



MEREVOLUSIKAN KESELAMATAN DAN  
KESIHATAN PEKERJAAN : PERANAN  
KECERDESAN BUATAN (AI) DAN  
PENDIGITALAN DI TEMPAT KERJA

# 2025 CMeOSH INSIGHTS



# CMeOSH **INSIGHTS**

2025

Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan

# HAK CIPTA

## SIDANG EDITORIAL

### PENASIHAT

Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah  
Naib Canselor UMK

### KETUA EDITOR

Ts. Dr. Darliana binti Mohamad  
Pengarah Pusat Pengurusan  
Persekitaran, Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)

### EDITOR

Tuan Zulkipeli bin Tuan Yeh  
Norhidayu binti Noruddin  
Asma Salsabila binti Che Shaffie

### JAWATANKUASA

Ahmad Farhan Shauki bin Sulong  
Mohd Khalid bin Ab Kadir @  
Musa  
Mohamad Fazli bin Muhammad @  
Che Abas  
Ahli Jawatankuasa Persekitaran,  
Keselamatan dan Kesihatan  
Pekerjaan Induk (JPKKPI)/ OSH  
Buddy UMK

## Rasional CMeOSH INSIGHTS

Penerbitan CMeOSH Insight UMK adalah sebagai platform komunikasi rasmi untuk menyebarkan maklumat dan panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) kepada warga universiti. Ia berfungsi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan pematuhan terhadap amalan kerja selamat serta standard seperti ISO 45001, di samping memupuk budaya keselamatan melalui perkongsian amalan terbaik dan langkah pencegahan. Secara keseluruhan, penerbitan ini menyokong persekitaran kampus yang selamat, sihat dan kondusif.

Hak cipta UMK, 2026

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Universiti Malaysia Kelantan.

Judul: CMeOSH INSIGHTS  
No. eISBN: 978-629-7867-04-5

Diterbitkan oleh:

Penerbitan Korporat UMK  
Bahagian Pengurusan Galeri, Laman Web dan Penerbitan  
Pusat Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
16100 Bachok  
Kelantan Darul Naim

No. Tel: 09 - 779 7015  
E-mel: bpk.pkk@umk.edu.my  
Website : corporate.umk.edu.my

Disediakan oleh:

Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan  
Kesihatan Pekerjaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok  
Kelantan Darul Naim

No. Tel: 09 - 779 7400  
E-mel: cmeosh@umk.edu.my  
Website: <https://cmeosh.umk.edu.my/>

# Isi Kandungan

**01**

## **Nukilan**

---

Naib Canselor

**02**

## **Nukilan**

---

Pengarah CMeOSH

**03**

## **Transformasi**

---

Unjuran CMeOSH

**04**

## **Penerbitan**

---

PKKP

**05**

## **Maklumat dan Arahan latihan**

---

Pengadaan Maklumat, Arahan Latihan Dan  
Penyeliaan

**06**

## **Perjenamaan, Pengiktirafan dan Pengtarabangsaan**

---

Mewujudkan Perjenamaan, Pengiktirafan Dan  
Pengantarabangsaan Budaya PKKP

---

# NUKILAN NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh, Salam UMK4U 1Hati 1Jiwa.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, penerbitan CMeOSH Insights 2025 berjaya diterbitkan sebagai satu platform perkongsian maklumat, pengetahuan serta amalan terbaik dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan transformasi organisasi masa kini, tema “Merevolusikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Peranan Kecerdasan Buatan (AI) dan Pendigitalan di Tempat Kerja” amat signifikan dalam memperkukuhkan pengurusan keselamatan yang lebih sistematik, proaktif dan berteraskan inovasi. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi Universiti Malaysia Kelantan untuk membudayakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan mampan.

Universiti menghargai komitmen Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dalam menerajui pelbagai inisiatif strategik bagi meningkatkan tahap pematuhan, kesedaran serta kesejahteraan warga universiti. Usaha berterusan ini diyakini mampu menyokong kecemerlangan organisasi melalui pengurusan risiko yang lebih efektif dan berimpak tinggi.

Adalah diharapkan penerbitan ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan berguna kepada warga universiti, rakan industri dan masyarakat dalam memperkasa budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara menyeluruh.

Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan ini.

Sekian, terima kasih



Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham  
bin Abdullah

Naib Canselor UMK

# NUKILAN PENGARAH CMeOSH



Ts. Dr. Darliana binti  
Mohamad

Pengarah Pusat  
Pengurusan Persekitaran,  
Keselamatan Dan  
Kesihatan Pekerja  
(CMeOSH)

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Salam UMK4U 1Hati 1Jiwa.


Tahun 2025 merupakan satu fasa penting dalam usaha memperkukuh peranan CMeOSH sebagai peneraju keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Universiti Malaysia Kelantan. Sepanjang tahun ini, fokus utama telah diberikan kepada pemerkasaan kompetensi staf melalui peningkatan kelayakan profesional serta pematuhan terhadap keperluan perundangan yang ditetapkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).

Seiring dengan keperluan tersebut, CMeOSH telah memberi penekanan terhadap penyertaan staf dalam latihan dan pensijilan kompeten yang diiktiraf, selaras dengan tuntutan peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Usaha ini bertujuan memastikan setiap pegawai memiliki tahap pengetahuan, kemahiran dan kredibiliti yang selari dengan amalan terbaik industri, sekali gus memperkukuh tadbir urus keselamatan universiti.

Selain itu, inisiatif pendigitalan turut menjadi keutamaan bagi meningkatkan kecekapan proses kerja, pemantauan dan pelaporan keselamatan. Pendekatan ini menyokong pengurusan yang lebih sistematik, telus dan berasaskan data, sejajar dengan keperluan persekitaran kerja moden.

Secara keseluruhannya, CMeOSH komited untuk terus memperkukuh kompetensi warga kerja dan memperkasa sistem pengurusan keselamatan demi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, berdaya tahan dan mampan untuk seluruh warga universiti.

# CARTA ORGANISASI



# Transformasi & UNJURAN CMEOSH

- 2009-2014** **FASA 1 - Unit UKKP**  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) ditempatkan di bawah Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar UKKP ditubuhkan pada 18 Mac 2009.
- 2014-2019** **FASA 2 - Penjenamaan kepada UPPKKP Kepada EOSHMU**  
Penjenamaan UKKP kepada Unit Pengurusan, Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UPPKKP) - Satu Unit di bawah Pejabat Pendaftar (19/6/2014).
- 2019-2020 (PERALIHAN)** **PERALIHAN FASA 2 - (PENJENAMAAN KEPADA PPPKKP / CMEOSH)**  
Penjenamaan EOSHMU kepada CMeOSH dan ditempatkan di bawah Pejabat Naib Canselor (30/9/2018).
- 2020-2025** **FASA 3 - Pusat Rujukan KKP (COE KKP)**  
Diiktiraf sebagai COE KKP - Kesihatan Pekerjaan bagi Higien Industri dan Ergonomik oleh Kementerian Sumber Manusia (28/3/2023).
- 2025-2030** **Penyedia Latihan KKP**  
Menjadi pusat rujukan dan penyedia latihan KKP yang diiktiraf di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

# PENERBITAN PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN



# ERGONOMIK SEBAGAI PELABURAN, BUKAN KOS

*Penulis :*

*Ts. Dr. Darliana binti Mohamad*

*Pensyarah Kanan / Pengarah Pusat Pengurusan Persekitaran,  
Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)*

Dalam landskap pekerjaan masa kini yang semakin kompleks dan mencabar, ergonomik tidak lagi boleh dianggap sebagai satu keperluan tambahan semata-mata. Sebaliknya, ia muncul sebagai satu pelaburan strategik yang memberi pulangan signifikan kepada organisasi dari segi produktiviti, kesejahteraan pekerja dan kelestarian operasi. Pendekatan ergonomik yang berkesan bukan sahaja membantu mengurangkan risiko kecederaan, malah menyokong pembangunan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan berdaya tahan.

Pelbagai organisasi antarabangsa telah membuktikan bahawa pelaburan dalam ergonomik memberikan pulangan yang nyata. Sebagai contoh, Parker Hannifin Corporation iaitu sebuah syarikat pembuatan global telah melaporkan pengurangan antara 50 hingga 70 peratus kes kecederaan muskuloskeletal selepas melaksanakan program ergonomik yang merangkumi penambahbaikan reka bentuk tempat kerja, latihan pekerja serta proses kerja yang lebih sistematik. Usaha ini bukan sahaja mengurangkan kos perubatan dan ketidakhadiran pekerja, malah meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi secara menyeluruh.

Dalam sektor teknologi pula, Intel Corporation menjadi contoh kukuh keberkesanan pelaburan ergonomik. Melalui pelaksanaan program ergonomik berasaskan penilaian risiko dan penggunaan peralatan kerja yang bersesuaian, Intel berjaya mencatatkan pengurangan sehingga 78% kes gangguan muskuloskeletal dalam kalangan pekerjaanya. Pendekatan ini disokong oleh latihan berterusan, pemantauan ergonomik dan penggunaan data untuk menilai keberkesanan intervensi. Hasilnya, tahap kesejahteraan pekerja meningkat seiring dengan peningkatan prestasi kerja dan kecekapan organisasi.

Di peringkat tempatan, organisasi seperti PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut mengintegrasikan prinsip ergonomik dalam sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Usaha ini melibatkan penilaian risiko ergonomik secara berkala, pelaksanaan latihan berfokus serta penambahbaikan persekitaran kerja yang menyokong kesejahteraan pekerja. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan insiden pekerjaan, malah menyumbang kepada pembentukan budaya kerja yang lebih selamat dan produktif.

Secara keseluruhannya, pengalaman pelbagai organisasi ini membuktikan bahawa ergonomik bukan sekadar kos operasi, tetapi merupakan pelaburan strategik yang memberikan pulangan jangka panjang. Dengan pendekatan yang sistematik dan berterusan, ergonomik berupaya menjadi pemangkin kepada prestasi organisasi yang lebih mampan, berdaya saing dan berorientasikan kesejahteraan manusia.

# DI SEBALIK KETAKUTAN MEMBUAT SARINGAN KESIHATAN DI PKU

## Penulis :

*Dr. Ikram Rauhi Bin Che Ibrahim  
Pegawai  
Pusat Kesihatan Universiti  
Universiti Malaysia Kelantan.*

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) berperanan penting dalam memastikan tahap kesihatan warga Universiti Malaysia Kelantan sentiasa berada pada tahap terbaik. Selain memberikan rawatan harian kepada pesakit, PKU turut melaksanakan fungsi kesihatan awam dan perubatan yang lain merangkumi rawatan pergigian, kawalan pencegahan penyakit, promosi kesihatan, perkhidmatan X-ray dan saringan kesihatan berkala.

Antara program utama di bawah inisiatif promosi kesihatan ialah Saringan Kesihatan Staf 35 Tahun ke Atas. Program ini dijalankan sepanjang tahun dan menjadi salah satu indikator penting dalam audit Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JPKKP). Setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu melaporkan status saringan staf dalam audit yang dijalankan secara berkala empat kali setahun dan dinilai sebagai salah satu elemen pemarkahan PTj tersebut. Laporan audit ini akan dibentangkan di dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. Langkah ini dilihat bukan sekadar memenuhi keperluan audit sahaja, tetapi ianya adalah satu strategi bagi menggalakkan budaya pencegahan penyakit dalam kalangan staf UMK.

Berdasarkan data pada tahun 2024, sebanyak 27.9% daripada 21,471 pesakit yang hadir ke PKU adalah merupakan staf universiti. Sebahagian besar pesakit yang datang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes, penyakit darah tinggi dan kolesterol tinggi. Bagi tahun tersebut, sebanyak 19 kes diabetes mellitus, 6 kes hipertensi dan 118 kes kolesterol tinggi baharu telah dikesan. Angka ini menunjukkan bahawa pengesanan awal melalui saringan sangat penting untuk mencegah komplikasi jangka panjang.

Selain itu, hasil saringan turut mendapati seramai 173 orang staf mengalami masalah obesiti daripada kira-kira 1,055 staf UMK berumur 35 tahun ke atas.

Isu obesiti ini bukan sahaja berkait dengan penampilan, tetapi turut menjadi faktor utama dalam meningkatkan risiko untuk menghidap penyakit kronik seperti diabetes, penyakit jantung dan masalah muskuloskeletal. Keadaan ini secara tidak langsung boleh menjejaskan produktiviti kerja dan kualiti kehidupan seseorang staf.

Menariknya, majoriti staf UMK kini adalah berada dalam lingkungan umur 40-an. Dalam tempoh 10 tahun akan datang, mereka akan memasuki fasa 50-an, iaitu fasa umur yang berisiko untuk mendapat penyakit kronik. Oleh itu, langkah memperkukuh pelaksanaan saringan kesihatan ini adalah penting dan amat disarankan. Pemantauan dan audit tempat kerja yang dilaksanakan oleh universiti merupakan pendekatan yang efektif untuk memastikan setiap staf mengambil berat tentang tahap kesihatan masing-masing.

Secara keseluruhannya, program saringan kesihatan staf berumur 35 tahun ke atas bukan sekadar rutin pemeriksaan tahunan, tetapi menjadi asas kepada langkah pencegahan, rawatan awal dan peningkatan kesejahteraan warga kerja UMK. Usaha ini selari dengan matlamat PKU untuk melahirkan warga universiti yang sihat, produktif dan sejahtera dalam jangka panjang.

Dalam masa yang sama, amalan menjaga kesihatan bukan hanya keperluan fizikal, tetapi juga tanggung jawab moral dan spiritual. Dalam Islam, penjagaan kesihatan dianggap sebahagian daripada amanah terhadap tubuh badan yang dikurniakan oleh Allah SWT, ianya juga adalah selaras dengan nilai moral tanpa mengira agama atau latar belakang. Maka, melalui program ini, warga universiti diajak untuk melihat saringan kesihatan ini bukan sekadar kewajipan pekerjaan, tetapi sebagai penghargaan terhadap nikmat kesihatan serta komitmen bersama membina komuniti kampus yang sihat dan sejahtera.

# KESELAMATAN PEKERJAAN: PELAKSANAAN DAN KEPENTINGANNYA

*Penulis : Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi  
Pensyarah Kanan / Pengetua Kolej Kediaman  
Universiti Malaysia Kelantan*

Keselamatan pekerjaan merupakan elemen penting dalam pembangunan industri yang mampan di Malaysia, khususnya dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan yang terdedah kepada pelbagai risiko pekerjaan. Ia merangkumi pendekatan sistematik bagi mencegah kemalangan, kecederaan dan penyakit pekerjaan melalui pengenalan pastian bahaya, penilaian risiko dan pelaksanaan langkah kawalan yang berkesan. Dalam konteks persekitaran kerja tropika dan intensif buruh, pengurusan keselamatan pekerjaan menjadi semakin kritikal.

Statistik kemalangan industri di Malaysia menunjukkan bahawa kemalangan pekerjaan masih berlaku walaupun pelbagai peraturan dan garis panduan telah dikuatkuasakan. Faktor utama yang menyumbang kepada insiden ini termasuk kelemahan pengurusan keselamatan, tahap kesedaran pekerja yang rendah serta ketidakpatuhan terhadap prosedur kerja selamat (DOSH, 2023). Kemalangan bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan pekerja, malah memberi implikasi ekonomi kepada organisasi melalui kehilangan produktiviti dan peningkatan kos rawatan serta pampasan.

Pelaksanaan keselamatan pekerjaan yang berkesan memerlukan komitmen berterusan daripada pihak majikan dan pekerja. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) menekankan tanggungjawab majikan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, manakala pekerja bertanggungjawab mematuhi arahan serta prosedur keselamatan yang ditetapkan. Selain itu, penggunaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) berasaskan ISO 45001 dapat membantu organisasi mengurus risiko secara lebih sistematik dan berkesan (ISO, 2018).

Aspek keselamatan pekerjaan di Malaysia juga berkait rapat dengan isu kesihatan pekerjaan seperti tekanan haba, ergonomik yang tidak sesuai dan pendedahan kepada bahan berbahaya, terutamanya dalam persekitaran kerja terbuka dan suhu tinggi. Jika tidak diuruskan dengan baik, pendedahan berpanjangan boleh menyebabkan penyakit pekerjaan kronik serta menjejaskan kualiti hidup pekerja (WHO, 2022). Oleh itu, pendekatan pencegahan melalui pemantauan persekitaran kerja, latihan berkala dan promosi budaya keselamatan amat diperlukan.

Kesimpulannya, keselamatan pekerjaan merupakan teras kepada kesejahteraan tenaga kerja dan kelestarian organisasi di Malaysia. Pembudayaan amalan keselamatan yang berkesan memerlukan kerjasama antara majikan, pekerja dan pihak berkuasa agar tempat kerja yang selamat, sihat dan produktif dapat direalisasikan secara berterusan.

# UDARA BERSIH, PEKERJA SIHAT: REVOLUSI IAQ DALAM ERA AI

## Penulis :

En. Ahmad Farhan Shauki bin Sulong  
Jurutera

Pengurusan Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)  
Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) kini berada dalam fasa transformasi sejajar dengan perkembangan teknologi kecerdasan buatan (Artificial Intelligence, AI) dan pendigitalan tempat kerja. Salah satu elemen penting yang semakin diberi penekanan dalam pengurusan KKP moden ialah kualiti udara dalaman (Indoor Air Quality, IAQ). IAQ bukan lagi dilihat sekadar faktor keselesaan persekitaran kerja, malah telah diiktiraf sebagai komponen kritikal dalam perlindungan kesihatan pekerja serta pematuan perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Persekitaran kerja dalaman seperti pejabat, makmal, hospital dan institusi pendidikan berpotensi terdedah kepada pelbagai pencemar udara termasuk zarah terampai halus (PM2.5), karbon dioksida (CO<sub>2</sub>), gas kimia meruap (VOC) dan ozon yang dihasilkan oleh peralatan pejabat seperti mesin fotostat. Pendedahan berterusan terhadap pencemar ini boleh menyebabkan kesan kesihatan jangka pendek dan panjang seperti iritasi saluran pernafasan, keletihan, sakit kepala serta peningkatan risiko penyakit pekerjaan. Justeru, pengurusan IAQ merupakan sebahagian daripada tanggungjawab majikan dalam menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat.

Di Malaysia, keperluan ini selari dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) serta pindaan OSHA 2022, yang menekankan kewajipan majikan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja di tempat kerja. Pindaan OSHA 2022 memperkukuh konsep tanggungjawab bersama serta pendekatan pencegahan risiko, termasuk keperluan mengenal pasti bahaya, menilai risiko dan melaksanakan langkah kawalan secara sistematik. Dalam konteks ini, IAQ boleh diklasifikasikan sebagai bahaya fizikal dan kimia yang memerlukan kawalan berterusan dan berkesan.

Pendekatan tradisional terhadap pemantauan IAQ lazimnya bersifat berkala dan reaktif, bergantung kepada pemeriksaan manual serta tindakan selepas aduan diterima. Walau bagaimanapun, kemunculan teknologi AI dan sistem pendigitalan telah merevolusikan pendekatan ini kepada model yang lebih proaktif dan prediktif. Penggunaan sensor pintar membolehkan pemantauan parameter IAQ secara masa nyata, manakala AI menganalisis data tersebut untuk mengenal pasti corak pencemaran, meramalkan potensi risiko dan mencetuskan amaran awal sebelum tahap bahaya dicapai.

Pendigitalan pengurusan IAQ juga menyokong pematuan perundangan dengan menyediakan rekod data yang sistematik, telus dan mudah diaudit. Integrasi sistem IAQ dengan platform pengurusan KKP, HIRARC dan pelaporan digital membolehkan majikan menunjukkan bukti pematuan kepada kehendak Akta 514 dan OSHA 2022. Selain itu, paparan maklumat IAQ melalui papan pemuka digital meningkatkan kesedaran pekerja serta menyumbang kepada pembudayaan persekitaran kerja yang selamat dan sihat.

# MENJAMIN KESEJAHTERAAN PEKERJA: PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI PEJABAT

## Penulis :

Mohd Khalid Bin Ab Kadir @ Musa

Penolong Jurutera Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)  
Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan

Registered Safety & Health Officer (SHO) - HQ/24/SHO/00/13371

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di pejabat sering dipandang remeh berbanding sektor berat, namun ia kritikal untuk produktiviti dan kesejahteraan pekerja. Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), majikan bertanggungjawab menyediakan suasana kerja yang selamat bagi mengurangkan tekanan dan keletihan melampau.

Persekitaran kondusif memerlukan imbangan suhu 20°C–26°C dan kelembapan 40%–60% bagi mengelakkan masalah pernafasan serta kelesuan. Pengudaraan mestilah membekalkan sekurang-kurangnya 10 liter udara bersih sesaat bagi setiap individu untuk mencegah Sick Building Syndrome (Sindrom Bangunan Sakit). Pencahayaan pula perlu mematuhi piawaian antara 200 Lux hingga 600 Lux bagi mengelakkan silau dan keletihan mata. Selain itu, mesin fotostat perlu diletakkan di ruang berventilasi kerana pelepasan ozon melebihi 0.1 ppm boleh menyebabkan radang saluran pernafasan dan sakit kepala.

Kemalangan seperti tergelincir atau tersandung lazimnya berpunca daripada pengurusan ruang yang lemah dan lantai yang licin. Disiplin kekemasan housekeeping dan laluan kecemasan yang bebas halangan adalah langkah pencegahan utama. Bagi mengelakkan kecederaan musculoskeletal semasa mengendalikan beban manual, penggunaan troli dan latihan teknik mengangkat yang betul amat ditekankan. Organisasi juga wajib mempunyai Pelan Tindakan Kecemasan (ERP) yang merangkumi latihan kebakaran dan prosedur menyelamatkan.


Penggunaan peralatan kekunci secara berpanjangan menuntut stesen kerja ergonomik. Kerusi yang boleh dilaras, mempunyai lima roda untuk kestabilan, serta mampu menyokong postur tulang belakang adalah penting bagi mengurangkan tekanan otot dan melancarkan aliran darah pekerja.

Keselamatan pejabat memerlukan pendekatan holistik yang merangkumi aspek fizikal, kimia, dan psikososial. Pematuhan standard KKP bukan sekadar tuntutan perundangan, malah merupakan pelaburan modal insan yang meningkatkan moral serta efisiensi organisasi secara keseluruhan

**PENGADAAN MAKLUMAT, ARAHAN  
LATIHAN DAN PENYELIAAN SEBAGAIMANA  
YANG PERLU UNTUK MEMASTIKAN  
PEMATUHAN KEPADA AKKP 1994  
(PINDAAN 2022) DAN AKTA 127 DI SEMUA  
PTJ / FAKULTI**



## STATISTIK MESYUARAT JPKKPI UMK BAGI TAHUN 2014-2025



# 43

Sebanyak 43 mesyuarat telah dilaksanakan bagi tempoh 2014-2025.

- Dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Prof. Naib Canselor
- Diadakan setiap 3 bulan sekali
- Mewakili 14 Wakil Majikan, 14 Wakil Pekerja yang terdiri daripada semua pusat tanggungjawab PTj dan Fakulti yang merangkumi ketiga-tiga kampus
- Pakar-pakar mengikut bidang

# MESYUARAT JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INDUK (JPKKPI) UMK



MESYUARAT JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INDUK (JPKKPI) UMK



MESYUARAT JAWATANKUASA PERSEKITARAN, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INDUK (JPKKPI) UMK



MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JPKKPI UMK

## PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA

Pemeriksaan Tempat Kerja dan Fail Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) di Pusat Tanggungjawab/ Fakulti diadakan setiap tiga (3) bulan sekali.

Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022) Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan) 1996 Peraturan 12(a) Pemeriksaan tempat kerja.

Ia juga memenuhi keperluan standard ISO 45001:2018 OHSMS iaitu memastikan tempat kerja selamat dan sihat.



# ANUGERAH CEMERLANG PERSEKITARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UMK (EOSH AWARD) BAGI TAHUN 2024

Tahniah kepada Pemenang Anugerah EOSH 2024



Juara: Pejabat Pentadbiran Kampus Jeli - (Piala Anugerah, Piala Iringan, Sijil & RM1,000)



Tempat Kedua : Pusat Pengajian Siswazah - (Sijil & RM500)



Tempat Ketiga : Pejabat Bendahari (Sijil & RM300)

# PEMONITORAN HIGIENE INDUSTRI



Pemonitoran Fume Hood di UMK, Kampus Jeli



Pemonitoran Bunyi Bising



Pemonitoran Pencahayaan

Pemonitoran Higiene Industri dijalankan untuk memastikan persekitaran kerja berada dalam keadaan selamat, sihat dan terkawal dengan mengenal pasti, menilai serta memantau pendedahan pekerja terhadap hazard kesihatan seperti faktor fizikal, kimia dan biologi.

# KURSUS ERGONOMIK DI TEMPAT KERJA



25 Februari 2025

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat telah menganjurkan Kursus Ergonomik di Tempat Kerja yang disertai oleh 53 orang peserta. Kursus ini disampaikan oleh YBrs. Dr. Ts. Dr. Darliana Binti Mohamad, Pengarah CMeOSH.



## Objektif

kursus ini adalah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada pekerja mengenai cara bekerja yang lebih selesa, mengurangkan risiko kecederaan, serta meningkatkan produktiviti. Kursus ini juga selaras dengan pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 Pindaan 2022, khususnya Seksyen 15(2)(C) yang menggariskan kewajipan majikan untuk menyediakan maklumat, latihan, dan penyeliaan yang sesuai bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja.



# KURSUS PENGURUSAN KESIHATAN MENTAL DAN PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA



25 April 2025

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan dan Kecemerlangan Bakat telah menganjurkan Kursus Pengurusan Kesihatan Mental Dan Psikososial Di Tempat Kerja yang disertai oleh 30 orang peserta. Kursus ini disampaikan oleh YBrs. Encik Abdul Khairul Azry bin Abdul Rahman, Pegawai Psikologi Kanan.



## Objektif

- Tingkatkan kesedaran tentang kesihatan mental di tempat kerja.
- Kenal pasti faktor risiko kesejahteraan mental.
- Latih Strategi mengurus stress dan konflik.
- Bimbing organisasi mewujudkan persekitaran kerja sihat.



# KURSUS PENYEDIAAN RESPONS DAN KECEMASAN DI UNIVERSITI : ASAS DAN AMALAN (ERT/ ERP)

19- 21 Ogos 2025

Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK/ERT) bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Kubor, melibatkan 30 ahli Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT) PTj/Fakulti.

Teknik asas menyelamatkan, pencegahan kebakaran, penggunaan alat pemadam api serta latihan amali di darat dan air (Water Confident).



# KURSUS PEMERKASAAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (SAFETY COMMITTEE)



**4 Ogos 2025**

Kursus Pemerkasaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Safety Committee) telah diadakan pada 4 Ogos 2025 (Isnin) bertempat di Bilik Seminar 1, Aras 2 Bangunan Canselori, UMK Bachok, telah dihadiri oleh 28 orang peserta yang terdiri daripada wakil jawatankuasa persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerja (JPKKP) di setiap PTj/ Fakulti UMK.


## Objektif

Memahami fungsi dan peranan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerja, kaedah pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang berkesan di tempat kerja



# KURSUS PENGURUSAN PERSEKITARAN

## “SUSTAINABLE WORKPLACE: SAFETY, HEALTH & ENVIRONMENT FOR THE FUTURE”




8 Disember 2025

Penceramah

- Prof Madya Dr. Norrimi Rosaida bt Awang
- Prof Madya Dr. Wee Seng Kew
- Dr. Muhamad Azahar Abas

Objektif

- Memahami konsep Sustainable Workplace dari aspek keselamatan, kesihatan & alam sekitar.
- Menyokong amalan kerja selamat dan lestari selaras dengan keperluan masa depan.



# KURSUS SAFETY PASSPORT

Kursus UMK Safety Passport dihadiri oleh kontraktor dan pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja di UMK.



## Tujuan Program

- Memberi pendedahan keselamatan pekerjaan
- Meningkatkan kesedaran KKP
- Memastikan pematuhan AKKP 1994 & pindaan 2022



# LATIHAN KEBAKARAN PUSAT KOMPUTERAN DAN INFORMATIK

6 Mac 2025

Latihan kebakaran ini dianjurkan bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan warga kerja menghadapi situasi kecemasan.



Latihan kebakaran melibatkan simulasi kecemasan dan demonstrasi penyelamatan.

# CMeOSH Integrated Safety System

## HIRAO • NADOPOD • LAPORAN SIASATAN KEMALANGAN • PTW

Sistem aplikasi ini digunakan bagi memudahkan pelaporan HIRAO, NADOPOD, siasatan kemalangan dan Permit To Work (PTW) secara sistematik dan bersepadu.



### Fungsi Sistem

Latihan penggunaan sistem pelaporan keselamatan CMeOSH.

- Pelaporan HIRAO
- NADOPOD
- Siasatan kemalangan
- Permit To Work (PTW)

## PEMERIKSAAN JENTERA BERSIJIL

Pemeriksaan CF dijalankan bagi memastikan jentera, mesin atau peralatan bertekanan berada dalam keadaan selamat untuk digunakan, mematuhi keperluan perundangan serta tidak mendatangkan risiko kepada pekerja.

Pemeriksaan ini bertujuan mengenal pasti sebarang kecacatan, kerosakan atau ketidakpatuhan yang boleh menyebabkan kemalangan, letupan atau kegagalan operasi.



Pemeriksaan jentera dijalankan bagi memastikan peralatan beroperasi secara selamat dan mematuhi piawaian keselamatan.

# PROGRAM SESI PERKONGSIAN PENGUNAAN PERALATAN HIGIEN



27 April 2025

Sesi perkongsian dan demonstrasi penggunaan peralatan higien kepada pelajar Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian Alam Sekitar), Fakulti Sains Bumi.



## Objektif

- Memberi pendedahan penggunaan peralatan higien
- Meningkatkan kompetensi dalam bidang persekitaran
- Menyokong amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan



# AUDIT DALAMAN SPKKP

## Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001:2018

24 Jun 2025

Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) ISO 45001:2018 telah dijalankan oleh Pasukan Audit Dalaman Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi menilai tahap pematuhan dan keberkesanan pelaksanaan sistem.

Audit ini turut bertujuan mengenal pasti ketidakpatuhan serta peluang penambahbaikan berterusan dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Audit dalaman SPKKP ISO 45001:2018 melibatkan semakan pematuhan dan penambahbaikan berterusan sistem keselamatan.

# PROGRAM 1RAPI DAN KEMPEN KESELAMATAN KEBAKARAN

10 Julai 2025



## Tujuan Program

- Meningkatkan kesedaran awam tentang bahaya kebakaran.
- Memberi pendedahan mengenai langkah-langkah pencegahan kebakaran

Kehadiran : **68 Peserta**

# PEMERIKSAAN PKKP DAN PEMANTAUAN GEOLOGI

## Risiko Hakisan Tanah – UMK TraCe, Pulau Banding



18 Jun 2025

Lawatan tinjauan keselamatan bangunan dan persekitaran kawasan pekerja telah dijalankan oleh YBrs. Dr. Hamzah Bin Hussin dan YBrs. Ts. Dr. Darliana Binti Mohamad bersama pasukan CMeOSH serta pakar jemputan bagi menilai tahap keselamatan dan pematuhan keperluan berkaitan.



# AUDIT PENSIJILAN ISO 45001:2018 OLEH NIO SH CERTIFICATION SDN. BHD.



3-4 Disember 2025

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) telah berjaya mengekalkan pensijilan ISO 45001:2018 Bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OHSMS) tanpa *Nonconformity Report* (NCR).



Proses audit dan lawatan tapak oleh pihak NIOSH Certification.

# MEWUJUDKAN PERJENAMAAN, PENGIKTIRAFAN DAN PENGANTARABANGSAAN BUDAYA KKP



# KEJOHANAN TENPIN BOLING PKS





## JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) NEGERI KELANTAN 2025

10 Mei 2025

**JUARA – Universiti Malaysia Kelantan (UMK)**



**Hadiah:**

-  RM1,200.00
-  Piala Kejuhanan
-  Medal
-  Hamper

**Wakil Pasukan:**

- Encik Mohd Nazree Bin Abu Bakar
- Puan Siti Suhaila Binti Mohd Nawi
- Encik Amir Zul Fahmi Zulkepli



**Pasukan UMK muncul juara Kejuhanan Tenpin Boling PKS JKKP Negeri Kelantan 2025.**

# ***CENTRE OF EXCELLENCE*** **KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** **(COE KKP)**

20 Mei 2025



Mesyuarat hala tuju COE bersama Jawatankuasa Teras Strategik 3 Program 3, Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25)

# ASEAN OSH Summit 2025

*Pre-MaRINA 3.0 Workshop : 1 Julai 2025*



*ASEAN OSH Summit 2025 : 4-5 Ogos 2025*



Persidangan ini menghimpunkan pemimpin, penyelidik dan pengamal KKP serantau serta antarabangsa bagi memperkasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

# GERAN PENYELIDIKAN KAJIAN BANJIR MONSUN 2024

Tajuk Projek : Strategi Inovatif Mitigasi Banjir untuk Perlindungan Kawasan UMK Kampus Kota

**Tempoh:** 1 Mei – 31 Oktober 2025 (6 bulan)

**Peruntukan:** RM30,000

**Penaja:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

**Ketua Projek:** Dr. Adriana Binti Mohamad

## Penyelia Bersama :

1. Prof. Madya Dr. Shardy Bin Abdullah
2. Ir Mohd Shafik Bin Mat Darabi
3. Ahmad Farhan Shauki Bin Sulong
4. Norhidayu Binti Noruddin
5. Mohd Khalid Bin Ab Kadir @ Musa
6. Asma Salsabila Binti Che Shaffie
7. Mohamad Fazli Bin Muhamad @ Che Abas



Perbincangan teknikal bersama pasukan penyelidik.



- Menilai kawasan berisiko dan terlibat dengan isu banjir.
- Membincangkan cadangan teknikal bersama pasukan penyelidik.
- Menyelaras lokasi dan keperluan untuk pelaksanaan penyelidikan.

# LAWATAN KAJIAN MITIGASI BANJIR DI HRPZ II

9 Julai 2025

Kenalpasti keberkesanan *flood barrier*  
Cadangan produk sesuai untuk UMK Kampus Kota  
Disertai 9 orang penyelidik



Demonstrasi pemasangan dan penilaian sistem flood barrier di tapak HRPZ II.

# MAJLIS BERSAMA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI / INSTITUSI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (MBKKP IPT/ IPP)

28 Julai 2025



Majlis MBKKP IPT/IP melibatkan perkongsian strategik keselamatan dan kesihatan pekerjaan peringkat institusi.

# KUNJUNGAN KE SEKOLAH MENENGAH SAINS TENGKU MUHAMMAD FARIS PETRA

22 Julai 2025

Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra



Inisiatif jalinan kerjasama dan perkongsian ilmu berkaitan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP), khususnya pelaksanaan Program *Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme – Do It Yourself* (SOHELP DIY)

# THE INTERNATIONAL SYMPOSIUM ON ENVIRONMENTAL AND OCCUPATIONAL HEALTH (ISEOH 2025)

29 -30 Julai 2025 - Putrajaya, Malaysia



*Tema “Beyond 2030: Solving 2030 EOH Challenges”*

Program ini bertujuan menghimpunkan penyelidik, profesional dan pelajar dari seluruh dunia bagi berkongsi dapatan terkini serta penyelesaian praktikal berkaitan kesihatan persekitaran dan pekerjaan.

**Antara topik yang dibincangkan termasuk :**

- Pengurangan stres kerja,
- Isu ergonomik dan pengendalian manual,
- Higiene industri,
- Pengurusan risiko,
- Perubahan iklim serta pencemaran alam sekitar dan kesihatan kanak-kanak.

# MAJLIS PERASMIAN PENUTUP HSE WEEK SSJ SG PERAK 2025



5 Ogos 2025

Program Penutup Siri Jelajah OSHWEEK2025 Peringkat Kelantan antara TNB Power Generation Sdn. Bhd., Jeli, Kelantan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Dirasmikan :

Puan Rosnizawati Binti Baharom - Pengarah JKKP, Negeri Kelantan



Majlis Perasmian Penutup HSE Week SSJ Sungai Perak 2025.



# MYMAHIR: TRAIN AND JOB PLACING PROGRAM (FOOD INDUSTRY EXCEL)

20-21 Ogos dan 2-3 September 2025

Modul kursus berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) dan peraturan-peraturannya.



Peserta Program MYMAHIR: Train and Job Placing – Food Industry Excel.

# HUMAN FACTORS AND ERGONOMICS MALAYSIA CONFERENCE 2025

8-9 September 2025

*Synergizing Ergonomics and Systems Design for Sustainable Innovation*

**Anjuran:**

Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH)

**Kerjasama:**

*Human Factors and Ergonomics Society Malaysia (HFEM)*



Human Factors and Ergonomics Malaysia Conference 2025 menghimpunkan pakar ergonomik dan keselamatan pekerjaan dari seluruh negara.

# LAWATAN BUDAYA & INDUSTRI TRADISIONAL KELANTAN

9 September 2025

Lawatan ke Ike Bekok Kak Pah Abe Loh dan Pulau Warisan Kampung Laut oleh peserta Human Factors and Ergonomic Malaysia Conference 2025.

Memberi peluang kepada peserta untuk mengalami budaya, tradisi, dan industri tempatan Kelantan melalui lawatan ke lokasi-lokasi bersejarah dan perniagaan tradisional.



Peserta conference melawat lokasi warisan dan industri tradisional Kelantan.

# PROGRAM SEE ME OSH @UMK 3.0 2025

18 September 2025

Majlis Penutupan Program “See Me OSH@UMK 3.0 Tahun 2025” peringkat UMK telah dirasmikan oleh YBrS. Pendaftar UMK.

Program ini dianjurkan sempena Hari Sedunia Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (28 April) dan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada minggu kedua Julai.

## Aktiviti Utama

- Pertandingan Video KKP
- Pertandingan Poster
- Amalan KKP Terbaik



Program SEE ME OSH @UMK 3.0 menghimpunkan pelbagai aktiviti promosi keselamatan dan kesihatan pekerjaan peringkat universiti.

# LAWATAN PERKONGSIAN TERBAIK PKKP

24 September 2025

Lawatan Penanda Aras bersama Jabatan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Bina International Islamic University Malaysia (OSHBE IIUM)



Lawatan perkongsian terbaik PKKP bersama OSHBE IIUM bagi memperkukuh amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

# LAWATAN PERKONGSIAN TERBAIK PKKP

7 Oktober 2025



Lawatan Penanda Aras daripada Politeknik Kota Bharu



Lawatan ini menjadi platform perkongsian ilmu, pertukaran idea dan penerokaan amalan terbaik dalam pengurusan keselamatan, kesihatan pekerja serta Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001: 2018).

# CMeOSH INSIGHTS

Pusat Pengurusan Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok  
Kelantan Darul Naim  
No. Tel: 09 - 779 7400  
E-mel: [cmeosh@umk.edu.my](mailto:cmeosh@umk.edu.my)  
Website: <https://cmeosh.umk.edu.my/>

eISBN 978-629-7867-04-5



9 786297 867045